

CNS6442

U GB 19-07 00175 BH594

AAB

Mahathir - Tentera

MAHATHIR SEDIH DAN UCAPKAN TAKZIAH PADA KELUARGA BERKENAAN

PULAU PINANG, 19 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa sedih dan mengucapkan takziah pada keluarga dua anggota tentera Malaysia yang terkorban ketika dalam misi konvoi tentera Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, di Mogadishu, Somalia, Isnin lepas.

"Saya berasa amat sedih kerana perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana Malaysia ingin menolong bukan untuk berlawan dengan sesiapa," kata beliau.

Menurutnya, kerajaan akan membuat apa yang perlu untuk menentukan bahawa urusan membawa balik jenazah dua anggota tentera itu dibuat seberapa segera yang boleh.

Beliau memberitahu pemberita demikian ketika ditanya mengenai dua anggota tentera Malaysia yang terkorban, manakala seorang tentera New Zealand dan tiga tentera Itali diculik dalam satu serangan ketika misi konvoi PBB di negara itu.

Menurut laporan agensi berita Itali, ANSA yang memetik sumber tentera Itali di ibu negara Somalia itu, sembilan lagi anggota tentera Malaysia dalam konvoi itu terselamat tetapi lima anggota tentera Itali tercedera apabila diserang. -- Lagi.

▼19/07/20-22MST

CNS6451

U GB 19-07 00185 BH595

AAB

Mahathir - Tentera 2 (Akhir) Pulau Pinang

Dr Mahathir berkata tentera Malaysia dihantar ke sana untuk menolong menjaga keamanan bukan untuk berperang dengan sesiapa tetapi mungkin ada pihak tidak bertanggungjawab yang melakukan perbuatan itu, yang tidak menghargai usaha Malaysia.

Menurut laporan ANSA lagi, mayat dua rakyat Malaysia itu telah diserahkan kepada sebuah pertubuhan bukan kerajaan Itali di Mogadishu.

Ketika ditanya laporan Financial Times berhubung siasatan Bank Standard Chartered mengenai lesapnya syiling emas bernilai AS\$10,000 yang didakwa membabitkan seorang Menteri Malaysia, Dr Mahathir berkata, mereka berhak menyiasat dan Malaysia akan meneliti hasil siasatan itu kelak.

"Kita tidak boleh membuat sebarang ulasan pada masa ini kerana kita belum mengetahuinya, ia hanya sesuatu yang sangat samar yang tiba-tiba muncul," tegas beliau.

"Kita perlu menelitinya dahulu dan apabila memperolehi maklumat hasil siasatan mereka, barulah kita boleh menjawabnya," katanya.

Laporan itu menyebut bahawa, kes wang lesap itu yang dikatakan diberikan sebagai satu "contoh dagangan" kepada seorang menteri Malaysia yang tiak dinamakan, telah menjadi satu siasatan utama bank berkenaan yang berpangkalan di London. -- Bernama.

ANR KHY KAM.

▼19/07/20-36MST

CNS6407